

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FAKTOR PENGGIAT *VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT FROG* (VLE FROG) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH NEGERI SELANGOR

MOHD FAIZ BIN MOHD BAHARAN

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Sarjana

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Disember 2018

ABSTRAK

Virtual Learning Environment Frog (VLE Frog) merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam mentransformasikan pendidikan di Malaysia dan memberi manfaat kepada semua murid, guru dan ibu bapa di sekolah. Namun, inisiatif ini dilihat tidak mencapai objektifnya walaupun telah diperkenalkan sejak Tahun 2011. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan aplikasi VLE Frog di sekolah. Di samping itu, untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran VLE Frog, sokongan pentadbir sekolah dan sikap guru dengan kesediaan penggunaan aplikasi VLE Frog serta mengenal pasti pengaruh antara kemahiran VLE Frog, sokongan pentadbir sekolah dan sikap guru dengan kesediaan penggunaan aplikasi VLE Frog dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang telah dijalankan ke atas 367 orang guru Pendidikan Islam di Negeri Selangor dengan mengedarkan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Setiap data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Hasil dapatkan kajian mendapat tahap kesediaan guru Pendidikan Islam berada di tahap tinggi ($\text{min} = 3.832$, $\text{SD} 0.292$). Hubungan faktor kemahiran VLE Frog dan faktor sokongan pentadbir sekolah dengan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan VLE Frog berada di tahap lemah dengan masing-masing memperoleh $r = 0.4666$, $P < .000$ dan $r = 0.374$, $P < .000$. Manakala hubungan faktor sikap guru berada pada tahap sederhana iaitu 0.526 , $P < .000$. Hasil kajian juga mendapat faktor sikap guru merupakan faktor dominan terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan VLE Frog. Sehubungan itu, kajian ini menjadi salah satu indikator dalam melaksanakan transformasi pendidikan terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan selaut pertolongan-Nya, saya dipilih oleh-Nya untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Pengajian Islam Kontemporari di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

Pertamanya, saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat bapa saya Haji Mohd Baharan bin Haji Ehsan, ibu saya Hajah Siti Khatijah binti Haji Ghazali dan ahli keluarga atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tesis ini.

Saya juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih kepada yang tak terhingga kepada penyelia utama saya Prof. Madya Dr. Mohd Nor bin Mamat dan penyelia kedua saya Encik Mohd Zawawi bin Temyati di atas segala tunjuk ajar, teguran dan motivasi sepanjang saya menjalankan kajian bagi menyempurnakan tesis sarjana ini serta warga ACIS yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Ucapan penghargaan juga saya rakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah memberikan saya peluang dan ruang untuk menyambung pengajian di bawah skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi tahun 2016-2018.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan penulisan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Halaman

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah Kajian	7
1.4 Rasional Kajian	8
1.5 Tujuan Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	8
1.7 Persoalan Kajian	8
1.8 Skop dan Limitasi Kajian	9
1.8.1 Lokasi Kajian	9
1.8.2 Sampel Kajian	9
1.8.3 Sekolah Rendah	10
1.8.4 Batasan Tajuk	10
1.8.5 Batasan Pemboleh ubah	10
1.8.6 Batasan Lokasi	10
1.8.7 Batasan Sampel	10
1.9 Signifikan Kajian	10
1.9.1 Signifikan Kepada Guru Pendidikan Islam	11
1.9.2 Signifikan Kepada Pentadbiran Sekolah	11
1.9.3 Signifikan Kepada Bahagian Pendidikan Islam	11
1.9.4 Signifikan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	11
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	12

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan pengenalan bagi isi kandungan penyelidikan yang mengandungi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, rasional kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan limitasi kajian, signifikan, kerangka konsep kajian, definisi operasi kajian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mempergiat penggunaan *Virtual Learning Environment Frog* (VLE Frog) dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah.

Malaysia merupakan sebuah negara yang memberikan penekanan utama terhadap pendidikan. Melalui pendidikan, negara Malaysia memperoleh status sebagai sebuah negara yang membangun dari aspek pembangunan ekonomi, sosial, kerohanian, moral dan etika. Hakikatnya sebuah masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik dapat dilahirkan dengan baik serta sejajar dengan aspirasi negara Malaysia.

Pendidikan adalah proses perkembangan dan penyuburan pemikiran, ilmu pengetahuan dan kemahiran serta kuasa-kuasa semula secara formal atau tidak formal (Najeemah Md Yusof, 2007). Dua proses utama yang terlibat dalam pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan juga merupakan usaha yang direncanakan secara terperinci untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang baik agar setiap murid dapat mengembangkan potensi diri dan trampil yang unggul (Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon, 2011).

Dari sudut globalisasi, pendidikan adalah proses penyebaran ilmu yang merentas sempadan negara dan budaya. Hal ini telah berlaku sejak kewujudan tamadun manusia sehingga tamadun masa kini. Transisi ilmu melalui pelbagai bentuk pendidikan telah membina kesejagatan dan masyarakat global melalui pelayaran, perdagangan, penyebaran agama dan teknologi maklumat komunikasi (ICT) (Mohd Yusoff Mohd Nor & Sufean Hussin, 2013). Sarjana Islam pula telah mendefinisikan pendidikan sebagai satu proses pendidikan yang mencakupi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku (Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon, 2011).

Berdasarkan kajian Refleksi Terhadap Pelaksanaan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran oleh Mohamed Rashid Navi Bax & Mohd Nasir Abu Hassan (2003) menjelaskan bahawa negara sedang menghadapi cabaran dalaman dan luaran akibat daripada kesan globalisasi, liberalisasi dan perkembangan ICT. Pembaharuan dan penambahbaikan sistem pendidikan sedia ada dari segi pengajaran dan pembelajaran (PdP), sistem pengurusan pembelajaran dan tugas guru sudah tentu memberikan cabaran baharu kepada sistem pendidikan masa kini.